

Submission date: 04/12/2018

Accepted date: 05/04/2019

**PASCA 9/11: ANALISIS PERANAN JEMAAH ISLAMIYYAH DI MALAYSIA***Post 9/11: An Analysis of the Role of Jemaah Islamiyyah in Malaysia*Harisi Hasih<sup>a</sup>, Mohamad Nadzri Bin Mohamed Noor<sup>a</sup>, Sharifah Munirah Alatas<sup>b</sup>,  
Mohd Azmi Mohd Razif<sup>c</sup>, Ahmad Redzuan Mohamad<sup>a</sup><sup>a</sup>Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 43600 Selangor<sup>b</sup>Strategic Studies and International Relations Programme  
School of History, Politics and Strategic Studies  
Faculty of Social Sciences and Humanities  
National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia<sup>c</sup>Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800,  
Negeri Sembilan

harisi.ukm@gmail.com

**Abstrak**

Pengeboman ke atas Pusat Dagangan Kewangan New York oleh kumpulan Al-Qaeda pada 9 November 2001 (dikenali 9/11) telah memberi implikasi besar terhadap senario politik dunia kerana peristiwa tersebut telah menyebabkan Amerika Syarikat melancarkan kempen ‘Global War on the Terrorist’ (GWT) bagi memerangi keganasan. Pada masa yang sama di Asia Tenggara terdapat kumpulan Jemaah Islamiyyah (JI) yang mempunyai hubungan secara langsung dengan Al-Qaeda, oleh itu rantau Asia Tenggara telah di letakkan ‘second front’ dalam senarai keutamaan memerangi keganasan oleh negara kuasa besar tersebut selepas Asia Barat. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya Justeru itu, peranan Malaysia dalam menangani keganasan ini boleh dilihat dari dua sudut, pertama untuk meyakinkan masyarakat antabangsa bahawa Malaysia bukan pusat keganasan dan kedua tidak mahu negara ini menjadi mangsa pengeboman oleh JI. Metodologi kajian adalah

menggunakan kontekstual analisis di mana rujukan semasa seperti penulisan berita, kajian akademik, dan juga jurnal sains sosial bertemakan keselamatan global. Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan bahayanya keganasan oleh JI dan usaha-usaha yang dilakukan kerajaan Malaysia, juga cadangan dan penambahbaikan untuk turut sama menangani keganasan dalam kerangka kerjasama negara-negara ASEAN.

Kata Kunci: ASEAN, pengganas, Jemaah Islamiyyah, terrorism, Malaysia.

### **Abstract**

The bombing of the New York Financial Trade Center by the Al-Qaeda group on November 9, 2001 (known as the 9/11 tragedy) has had a big implication on the global political scenario as the event leading the United States to launch a Global War on the Terrorist (GWT) to combat terrorism. At the same time in Southeast Asia an organization named Jemaah Islamiyyah (JI) showed direct contact with Al-Qaeda, an allegedly terrorist organization, making the Southeast Asian region the second priority in the list of fight against terrorism by the great powerhouse after the middle east. Sources suggest that JI has made Malaysia the mask of the movable operation to launch several attacks in the Southeast Asian region and had indirectly led Malaysia to deal seriously in countering terrorism. Hence, it is Malaysia's role to address this phenomenon which can be approached in two angles, first is to convince the international community that Malaysia is not the centre of violence and secondly to prevent these attacks occurring in Malaysia itself. This article attempts to highlight the threats of terrorism by JI and reveal efforts conducted by the Malaysian government and its allies from ASEAN countries to counter terrorism.

Key Words: ASEAN, terrorist organization, Jemaah Islamiyyah, terrorism, Malaysia.

### **PENDAHULUAN**

Pengeboman Pusat Dagangan New York , Amerika Syarikat pada 9 November 2001 (dikenali peristiwa 9/11) telah memberi kejutan besar terhadap negara super power tersebut kerana ancaman keganasan datangnya daripada pertubuhan pengerakan Al-Qaeda dan bukan daripada negara. Jika sebelum sarjana serta penganalisis politik antarabangsa percaya bahawa ancaman keselamatan tradisional seperti ancaman peperangan dan peluru berpandu ataupun serangan daripada sesebuah negara terhadap negara lain. Namun begitu peristiwa 9/11 iaitu ancaman non-traditional seperti ancaman keganasan, kemiskinan dan kestabilan politik (Ruhana 2009) merupakan ancaman baru terhadap sesebuah negara dan ia telah mengubah persepsi pandangan penganalisis politik antarabangsa sebelum ini dan telah membuka perdebatan yang luas dalam konteks hubungan antarabangsa. Objektif penubuhan

Al-Qaeda pada peringkat awalnya ialah untuk membantu serta menyelaraskan penyertaan orang-orang Islam di seluruh dunia bagi menyertai kumpulan mujahidin sewaktu berlakunya peperangan antara Afghanistan dengan Soviet Union. Konsep jihad telah menyebabkan ramai orang Islam telah datang untuk bermujahiddin bagi membantu Afghanistan untuk menentang Soviet Union. Namun begitu, Al-Qaeda telah berubah daripada matlamat penubuhannya dan menjadi sebuah kumpulan agama yang ekstrim iaitu menyemai ideologi untuk menentang barat terutamanya Amerika Syarikat. Pemimpin Al-Qaeda, Osama bin Laden telah menganggap Amerika Syarikat adalah paksi kejahatan dunia yang harus di perangi habis-habisan dan matlamat utama Al-Qaeda ialah untuk menubuhkan sebuah kerajaan Islam di beberapa buah negara (Schweitzer:173). Justeru itu, peristiwa 9/11 adalah manifestasi pergerakan Al-Qaeda bahawa ia bersedia untuk menentang Amerika Syarikat. Matlamat Al-Qaeda adalah untuk memusnahkan kepentingan Amerika Syarikat di mana-mana sahaja. Bagi mengekang pergerakan Al-Qaeda, Amerika Syarikat sehingga September 2003 telah membekukan US\$136.7 juta kewangan Al-Qaeda di seluruh dunia (Abuza 2003a:7)

Kumpulan Al-Qaeda ini dianggarkan mempunyai keahlian seramai 5000 hingga 12,000 anggota (Abuza 2003:6) di seluruh dunia. Peristiwa 9/11 juga telah mendorong negara kuasa besar tersebut untuk melancarkan 'Global War on the Terroris' (GWT) di seluruh dunia melalui misi untuk memerangi keganasan global (Abuza 2002:427) dan rantau Asia Tenggara telah di letakkan dalam barisan 'second front' (Acharya 2003:3) oleh Amerika Syarikat dalam GWT selepas beberapa negara Islam seperti Afghanistan, Libya dan Iraq. Peristiwa 9/11 ini adalah kemuncak penentangan Al-Qaeda terhadap Amerika Syarikat serta untuk menwar-warkan kehadirannya dalam politik global. Selepas peristiwa tersebut, Al-Qaeda menjadi musuh utama untuk di perangi di seluruh dunia dan melalui kempen GWT ini Amerika Syarikat telah berjaya melakukan beberapa serangan ke atas beberapa negara Islam kerana di tuduh bersekongkong dengan pengganas.

Beberapa negara di rantau Asia Tenggara terutama di lima buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand turut menerima ancaman keganasan daripada Al-Qaeda di mana terdapatnya beberapa anggota kumpulan Al-Qaeda tersebut untuk meletupkan kepentingan Amerika Syarikat seperti kedutaan di negara-negara tersebut. Bagi melancarkan lagi aktiviti keganasan di Asia Tenggara, Al-Qaeda telah menjalinkan kerjasama dengan Jemaah Islamiyyah (JI) iaitu satu pergerakan yang anti-Amerika Syarikat. JI ini adalah jelmaan Al-Qaeda di rantau Asia Tenggara yang berupaya untuk memusnahkan kepentingan Amerika Syarikat. JI telah menjadikan Malaysia sebagai tapak operasi kegiatan keganasan serta sumber kewangan bagi pergerakan tersebut manakala di Indonesia dan Filipina adalah medan jihad untuk mereka melakukan keganasan. Justeru itu, terdapatnya beberapa

siri pengeboman telah berlaku di Indonesia seperti pengeboman Bali pada tahun 2002 yang di percayai telah di dalangi oleh Dr Azhari Husin dan Nordin Md Top iaitu rakyat Malaysia. Pengeboman Bali tersebut juga boleh dianggap tanda aras mengenai ancaman keganasan JI terhadap rantau Asia Tenggara serta memberi isyarat kepada kerajaan Indonesia serta negara serantau bahawa ancaman JI sangat berbahaya (Abuza 2003b: 322). Meskipun di negara ini tiada pengeboman tetapi Malaysia turut memainkan peranan secara aktif untuk menangani keganasan kerana tidak mahu negara ini menjadi platform pengganas bagi rantau Asia Tenggara. Oleh itu, penglibatan secara langsung Malaysia dalam menangani keganasan global ini adalah merupakan satu tanggungjawab dan turut serta dalam kempen GWT yang dianjurkan oleh Amerika Syarikat. Dasar luar negara super power tersebut kini ialah untuk memerangi keganasan global dan negara rantau Asia Tenggara kini menjadi perhatian utama Amerika Syarikat dalam menangani keganasan (Abuza 2003b:322). Selain itu, Amerika Syarikat juga melihat Malaysia adalah rakan penting dalam memerangi keganasan kerana kedudukan geografi yang strategik di mana Selat Melaka menjadi laluan antarabangsa untuk mengangkut minyak dan bahan mental yang lain serta di khuatiri jika pengganas mengganggu laluan perairan di Selat Melaka tersebut (Sodhy 2011:12).

### **PENUBUHAN JEMAAH ISLAMIYYAH**

Pengerakan Jemaah Islamiyyah (JI) telah di asaskan di Malaysia oleh Abdullah Sungkar pada tahun 1993. JI telah mengadakan mesyuarat pertama di rumah Abu Bakar Bashir di kampung Serting, Ulu Jempol Negeri Sembilan (Mohd Sail dan Kamarulnizam 2011). Abdullah Sungkar dan Abu Bakar Bashir di percayai telah tinggal di Malaysia semenjak tahun 1984 setelah melarikan diri daripada kerajaan Indonesia sewaktu era pemerintahan Sukarno (Sodhy 2011:13). Pengerakan JI ini telah mengembangkan aktivitinya dengan merekrut beberapa ahli terutamanya mereka yang pernah berjuang di Afghanistan untuk menentang Soviet Union untuk di serapkan ideologi pengerakan tersebut. Meskipun penubuhan JI di negara ini sekitar tahun 1993 atau 1994 tetapi tidak melakukan apa-apa aktiviti keganasan sehingga pada tahun 2000. Dalam tempoh penubuhan tersebut sehingga tahun 2000, JI telah membangunkan rangkaian keahlian, merekrut ahli baru serta memberi latihan bersama anggota Al-Qaeda (Abuza 2003d). JI adalah kesinambungan daripada Darul Islam yang telah ditubuhkan di Indonesia pada tahun 1950 an (Koschade 2006:9).

Pada tahun 1994, Abu Bakar Bashir telah mengarahkan Hambali dan Iqbal Rahman (Abu Jibril) untuk mewujudkan beberapa sel (rangkaihan) di seluruh Asia Tenggara (Abuza 2003c). Pengerakan JI mempunyai matlamat dan objektif yang besar iaitu bercita-cita untuk mewujudkan Daulah Nusantara yang berpusat di Indonesia yang merangkumi Malaysia, Selatan Filipina, Selatan Thailand, Singapura dan Brunei

(Ministry of Home Affairs Republic of Singapore 2003). JI telah menjadikan Malaysia sebagai sumber dana kewangan dengan menubuhkan beberapa syarikat untuk menjalankan perniagaan (Abuza 2003c). Selain itu, JI juga memperoleh sumber kewangan melalui beberapa aktiviti berikut iaitu wang tunai yang di bawa masuk beberapa anggota JI, dana skim dari badan amal Islam, beberapa perniagaan korporat yang telah ditubuhkan, sistem hawala, sumbangan zakat sebanyak 10 peratus daripada ahli setiap bulan, pelaburan Al-Qaeda dalam sistem perbankan Islam, hasil rompakan dan jenayah serta penyeludupan dan bantuan kewangan daripada Al-Qaeda (Abuza 2003c). JI telah menetapkan bahawa negara-negara seperti Indonesia, Singapura, selatan Thailand dan selatan Filipina adalah medan jihad untuk memusnahkan kepentingan barat (Mohd Sail Hassan dan Kamarulnizam Abdullah 2011). JI mempunyai hubungan yang rapat dengan Pengerakan Al-Qaeda dan boleh di katakan bahawa JI adalah jelmaan Al-Qaeda di Asia Tenggara yang mampu melakukan serangan ke atas kepentingan Amerika Syarikat di Asia Tenggara (Gershman 2002). Selain itu, JI mengambil kesempatan kelemahan dalam kawalan seperti perjualan senjata, dadah, penggubalan wang haram di beberapa negara Asia Tenggara seperti di Burma, Indonesia dan Filipina di mana ia telah memberi kelebihan kepada JI untuk menyeludup serta mendapatkan senjata dan bahan letupan bagi tujuan operasi keganasan (Abuza 2003c). Bagi memantapkan operasi keganasan JI telah menubuhkan Rabitatul Mujahiddin (Acharya 2003) yang berperanan untuk menggabungkan kesemua kumpulan-kumpulan militan di rantau Asia Tenggara dengan penubuhan Rabiatal Mujahiddin di ketua oleh Abu Bakar Bashir. Rabitatul Mujahiddin telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali di antara tahun 1999 hingga 2000 secara sulit di Malaysia (Ministry of Home Affairs Republic of Singapore 2003).

JI telah menjadikan Indonesia sebagai tapak untuk melancarkan operasi keganasan. Kumpulan penganas ini menyerang serta memusnahkan tempat-tempat yang ada hubung kait dengan kepentingan barat dan tempat yang menjadi tumpuan pelancong-pelancong asing. Kumpulan Al-Qaeda yang diketuai oleh Osama bin Laden ialah dalang terhadap serangan 9/11 ke atas Amerika Syarikat (Agathangelou dan Ling 2004) dan kini mencari lokasi baru dalam aktiviti keganasan dengan memberi tumpuan terhadap rantau Asia Tenggara setelah kerajaan Taliban di Afghanistan musnah kerana di serang oleh Pasukan Tentera Bersekutu yang di ketua oleh Amerika Syarikat dengan mandat PBB. Di anggarkan seramai 5,000 orang Islam dari Arab Saudi, Mesir, Algeria serta beberapa negara lain telah menjalani latihan ketenteraan di kem-kem Osama bin Laden di Afghanistan (Ramakrishna 2004). Kumpulan Al-Qaeda ini telah cuba bergerak aktif di beberapa buah negara seperti di Turki, Pakistan, Somalia dan Australia dan di dapati tiada kesesuaian kecuali di beberapa negara rantau Asia Tenggara terutamanya di Indonesia, Malaysia dan Filipina. Cita-cita pengerakan Al-Qaeda untuk melaksanakan operasi keganasan di

rantau Asia Tenggara terhadap kepentingan barat ini akan di laksanakan oleh Jemaah Islamiyyah (JI) yang mewakilinya di peringkat rantau Asia Tenggara). Hambali adalah orang tengah antara Al-Qaeda dengan JI bagi rantau Asia Tenggara dan bertanggungjawab secara langsung untuk merancang operasi keganasan di negara-negara Asia Tenggara khususnya di Indonesia, Malaysia, Singapura, Filipina dan Thailand. Tindakan pertama JI ialah untuk menguasai Indonesia bagi membentuk Daulah Nusantara yang meliputi Malaysia, Selatan Filipina, Selatan Thailand dan Singapura. Abu Bakar Bashir, ketua JI Asia Tenggara telah menubuhkan Rabiatus Mujahiddin (Acharya 2003:4). Rabiatus Mujahiddin ini adalah gabungan kesemua kumpulan penganas dan militan yang terdapat di rantau Asia Tenggara bagi tujuan penyelarasan operasi keganasan terhadap kepentingan barat (Ministry of Home Affairs Republic of Singapore 2003). JI berupaya serta mampu melakukan serangan ke atas kepentingan Amerika Syarikat di Asia Tenggara (Gershman 2002) . Terdapat beberapa sebab Al-Qaeda membangun jaringan keganasan di Asia Tenggara (Abuza 2002) :

1. Terdapat ramai orang Islam telah mengikuti peperangan di Afghanistan bersama pasukan Mujahiddin pada tahun 1980 an.
2. Ramai pelajar dari Asia Tenggara belajar di Timur Tengah dan ini memudahkan untuk di tarbiyahkan dengan jihad.
3. Kefahaman tentang sekular sering di manipulasi sehingga timbul perasaan anti barat dan ingin mengamalkan pemeritahan Islam sepenuhnya. Ini bertepatan apa yang di bawa oleh JI dan Al-Qaeda untuk melaksanakan konsep Daulah Nusantara di rantau Asia Tenggara di mana pemerintahannya berasaskan kepada khalifah.

### **SYARIKAT-SYARIKAT JEMAAH ISLAMIYYAH DI MALAYSIA**


Mengikut perancangan JI Malaysia dan Singapura juga adalah penyumbang utama dana kewangan kepada pergerakan tersebut (Abuza 2003d) dan telah menjadikan Malaysia sebagai markas untuk mengerakkan operasi keganasan di rantau Asia Tenggara. Omar Al-Faruq wakil Al-Qaeda di Asia Tenggara telah mengadakan mesyuarat pada tahun 2000 di Kuala Lumpur bagi merancang untuk melakukan serangan ke atas kapal USS Cole dan Pusat Dagangan Dunia, New York. Peranan yang dimainkan oleh Yazif Sufaat ialah dengan menubuhkan beberapa buah syarikat JI di Malaysia seperti Konsojaya, Green Valley Medicine, Infocus Technology dan Secure Valley. Syarikat Konsojaya yang menjalankan perniagaan eksport minyak kelapa sawit ke Afghanistan turut digunakan untuk menghantar wang kepada Ramzi Yousef dan Wali Khan di Filipina bagi menjalankan operasi keganasan. Yazid Sufaat adalah berkelulusan University California, Amerika Syarikat dalam bidang biologi serta berkebolehan untuk buat bom anthrax (Ramakrishna 2004). Syarikat Green Valley telah membeli sejumlah besar ammonium nitrat bagi membuat bom.

Terdapat beberapa bukti mengapa Malaysia adalah merupakan penggerak kepada operasi keganasan antaranya penglibatan Dr. Azhari Hussin dan Nordin Md. Top dalam beberapa siri keganasan seperti perancang pengeboman Bali tahun 2002 dan Marriot Hotel pada tahun 2003 di Indonesia menunjukkan bahawa Malaysia adalah tempat melahirkan beberapa orang pengganas yang berwibawa. Selain itu, terdapat beberapa rakyat Malaysia terlibat dalam aktiviti keganasan seperti Wan Min Wan Mat yang memegang jawatan bendahari JI, Taufik Abdul Halim yang membawa bahan letupan untuk bom sebuah pasar raya di Jakarta tetapi gagal kerana bahan letupan tersebut meletup lebih awal.

Kegiatan keganasan di negara ini menjadi serius apabila Abu Sayyaf telah melakukan penculikan di Pulau Palawan dan Sipadan pada 23 April 2000 yang melibatkan 21 pelancong asing. Tujuan penculikan ini ialah untuk mendapatkan wang tebusan bagi membiayai operasi keganasan. Peristiwa penculikan ini telah menyebabkan nama Abu Sayyaf terkenal sebagai penganas yang merbahaya dan Amerika Syarikat telah mengkategorikan Abu Sayyaf dalam senarai pengganas. Selain itu, peristiwa rompakan senjata oleh kumpulan Al-Maunah terhadap Kem Askar Wataniah di Gerik pada 2 Julai 2000 juga boleh dikategorikan kepada keganasan. Dalam rompakan ini, kumpulan Al-Maunah telah berjaya merampas berbagai senjata dan mereka ini telah bersembunyi di Bukit Jenalik, Sauk. Kumpulan ini membuat beberapa tuntutan kepada kerajaan antaranya ialah Perdana Menteri ketika itu, mantan Tun Dr. Mahathir hendaklah meletak jawatan dan hendaklah melantik seorang ulama bagi mentadbir negara serta menubuhkan sebuah Kerajaan Islam yang berasaskan Al-Quran. Kerajaan telah mengadakan rundingan dengan kumpulan pemberontak tersebut dan pada masa rundingan di adakan, anggota kumpulan Al-Maunah di Kuala Lumpur telah melancarkan serangan ke atas KUIH Hindu di Batu Caves dan Kilang Carberg di Shah Alam. Matlamat kumpulan ini ialah untuk menghuru-harakan negara. Peristiwa ini berakhir di mana ketua kumpulan tersebut iaitu Mohd Amin Bin Mohd Razali telah berjaya di tangkap dan dua anggota polis telah terbunuh. Meskipun peristiwa ini berlaku dalam tahun 2000 tetapi Amerika Syarikat telah mengkategorikan Al-Maunah ini sebagai kumpulan pengganas. Selain itu, Amerika Syarikat juga turut menyenaraikan Kumpulan Mujahiddin Malaysia dan Kumpulan Islamiyyah dalam kategori pengganas yang berpusat di Malaysia. Yazif Sufaat telah di tahan oleh Pasukan Khas Keganasan Malaysia pada 9 Disember 2001 di Lapangan Terbang Antarabangsa sekembalinya daripada Afghanistan. Dr Azhari Hussin dan Nordin Md. Top iaitu perancang keganasan di Indonesia dan kedua-duanya ini telah berjaya di tembak oleh Pasukan Khas Keganasan Indonesia dan Mohd Farik Amin @ Zubair telah di tangkap di Indonesia.

Suspek utama serangan Pusat Dagangan New York iaitu Mossein telahpun berada di Malaysia dan bekerja sebagai pegawai pemasaran dengan syarikat Infocus Tecnology milik Yazif Sufaat. Mossein dan Khalid adalah merupakan suspek yang melakukan serangan berani mati terhadap Pusat Dagangan New York pada 9/11. Kedua-dua suspek ini datang ke Malaysia dan mempunyai hubungan secara langsung dengan Yazif Sufaat. Peranan Yazif ialah membantu ke dua-dua suspek tersebut untuk mendapatkan lesen penerbangan di negara ini bagi tujuan operasi 9/11. Justeru itu, Malaysia adalah merupakan pusat operasi keganasan global dan serantau bagi menyerang kepentingan Amerika Syarikat dalam pasca 9/11. Berikut adalah beberapa syarikat yang telah di tubuhkan di Malaysia bagi tujuan membiayai dan mengatur operasi keganasan peringkat serantau Peranan Riduan Isamuddin @ Hambali adalah sangat penting dalam mengerakkan operasi Ji di peringkat rantau Asia Tenggara. Hambali telah menggunakan Malaysia sebagai pusat untuk menjalankan operasi keganasan. Beliau di percayai telah menjalankan mesyuarat penting operasi 9/11 bersama Tawfiq Atash dan Fahad Al-Quso di Kuala Lumpur (Gunaratna 2003). Hambali telah di tahan di Bangkok, Thailand pada 11 Ogos 2003 dan kini berada di Guantanamo Bay, Cuba setelah di serahkan kepada Amerika Syarikat. Selain itu, terdapat beberapa pengganas daripada Indonesia telah berjaya di tahan oleh pihak keselamatan Malaysia iaitu Mas Selamat Kastari di Johor pada tahun 2009 dan telah di kenakan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Mohammad Iqbal Rahman @ Abu Jibril pada 30 Jun 2001 dan Agus Salim yang mempunyai hubungan rapat dengan Mas Selamat Kastari telah di tahan di Johor pada tahun 2011. Meskipun di Malaysia tiada ancaman pengeboman tetapi ancaman dan potensi





### Rajah 1: Malaysia Pusat Kewangan Jemaah Islamiyyah Rantau Asia Tenggara

Sumber : : Zachary Abuza, 2003. Funding Terrorism in Southeast Asia: The Financial Network of Al- Qaeda and Jemaah Islamiyah, NBR Analysis, Vol. 14, Number 5, December , Amerika Syarikat : The National Bureau of Asian Research.


Keganasan. Meskipun di Malaysia tiada ancaman pengeboman tetapi ancaman dan potensi keganasan tetap wujud dan ini dapat di lihat dengan beberapa penangkapan beberapa pemimpin JI di negara Malaysia. Kecekapan pihak berkuasa dalam menangani keganasan ini telah menyebabkan perancangan JI telah gagal. Selain itu juga adanya hubungan komunikasi keselamatan peringkat serantau terutama oleh negara-negara yang terlibat dalam keganasan telah menyebabkan ramai penganas telah di tangkap di beberapa negara Asia Tenggara seperti di Thailand, Filipina, Singapura dan Malaysia.

### STRUKTUR ORGANISASI JEMAAH ISLAMIYYAH

Jemaah Islamiyyah di asaskan oleh Abdullah Sungkar bersama Abu Bakar Bashir di kampung Serting, Ulu Jempol, Negeri Sembilan pada tahun 1993. Abu Bakar Bashir telah mengambil alih kepimpinan kumpulan ini setelah Abdullah Sungkar telah

meninggal dunia. Pada peringkat penubuhannya, Jemaah Islamiyyah yang menumpukan kepada pengajaran kitab-kitab agama melalui surau dan madrasah. Namun begitu, keadaannya telah berubah apabila Abu Bakar Bashir mengunjungi Afghanistan dan berjumpa dengan pemimpin Al-Qaeda termasuk Osama bin Laden. Apa kembali ke Malaysia, Abu Bakar Bashir mula menghasut pelajar-pelajar dengan menanam kebencian terhadap barat khususnya Amerika Syarikat dan mengaitkan konsep jihad dalam perjuangan. Beberapa rakyat Malaysia yang percaya dengan perjuangan ideologi yang di bawa oleh Abu Bakar Bashir iaitu Dr. Azahari Hussin dan Nordin Md. Top. Hambali iaitu orang kanan Abu Bakar Bashir telah memberi tunjuk ajar kepada Yazid Sufaat sehingga ia terlibat dalam JI dan menjadi orang penting JI di Malaysia. Mereka ini adalah beberapa orang rakyat Malaysia yang bergerak aktif dalam kumpulan Jemaah Islamiyyah serta menjadi perancang kepada beberapa siri pengeboman di Indonesia. Contohnya Dr. Azahari Hussin bersama Nordin Md. Top di percayai telah menjadi dalang terhadap pengeboman Bali 2002 dan Marriot Hotel pada 2003. Kos untuk pengeboman Bali adalah anggaran US\$35,000 tetapi telah menyebabkan kerugian lebih US\$1 billion dengan kematian 202 orang (Abuza, 2003c). Ini menunjukkan bahawa keganasan yang di lakukan oleh JI ini memberi kesan yang serius terhadap ekonomi sesebuah negara. Al-Qaeda sangat gembira atas kejayaan JI melakukan pengeboman Bali dan ia adalah merupakan satu kejayaan dalam misi memusnahkan kepentingan barat di Indonesia. Justeru itu, Al-Qaeda telah mengirim wang US\$100,000 kepada Hambali di atas kejayaan tersebut serta memberi kebebasan untuk Hambali menggunakan wang itu untuk keganasan akan datang (Abuza 2003c).

JI telah menyusun struktur organisasi keganasan dengan menubuhkan Mantiqi di rantau Asia Tenggara. Bagi melancarkan lagi operasi keganasan di rantau Asia Tenggara JI telah mewujudkan Mantiqi yang akan mewakili beberapa kawasan di Asia Tenggara. Tujuan di wujudkan Mantiqi ini adalah untuk memudahkan urusan serta komunikasi JI di antara anggota. Bagi tujuan tersebut sebanyak 4 Mantiqi telah di wujudkan dan Mantiqi 1 yang mewakili Malaysia, Singapura dan selatan Thailand berperanan untuk bekerjasama dengan Kumpulan Militant Malaysia (KMM) serta menjadi saluran komunikasi utama antara JI dengan Al-Qaeda. Di anggarkan seramai 100 sel (pengikut) JI telah menjalani latihan di Afghanistan di samping membuka kem sendiri di selatan Malaysia. Bagi tujuan pengrekrutan ahli baru ianya di lakukan oleh dua madrasah iaitu Tarbiyah Luqmanul Hakim di Johor Bahru dan Sekolah Menengah Arab Darul Anuar di Kota Bharu. Selain itu, Mantiqi 1 juga di pertanggungjawabkan untuk menubuhkan beberapa syarikat bagi tujuan mendapatkan dana kewangan serta bahan untuk membuat bom. Mantiqi 2 di Jawa dan Sumatera, Indonesia adalah pusat operasi JI untuk melakukan keganasan di Indonesia.




**Rajah 2 (gambaran penstrukturan organisasi JI Asia Tenggara)**

Sumber : Ubahsui (Abuza, 2003d)

Terdapat dua kumpulan yang bertanggungjawab iaitu Laskar Mujahiddin dan Laskar Jundullah di antara tahun 1999 dan 2000. Mantiqi 2 ini di kawal selia oleh Abu Bakar Bashir dan peranannya juga melibatkan menguruskan kem-kem latihan JI termasuk 7 di Sabah dan 1 di Kalimantan, Indonesia. Mantiqi 3 ialah Filipina, Brunai, Malaysia Barat, Kalimantan dan Sulawesi adalah di pertanggungjawabkan untuk mendapatkan bahan letupan, logistik serta senjata api dan hendahlah menjalinkan hubungan dengan MILF dan memberi sokongan kepada Al-Qaeda di selatan Filipina.

Mantiqi 4 ialah meliputi Australia dan Irian Jaya dan peranannya kurang menyerlah jika di bandingkan dengan Mantiqi yang lain tetapi kegigihan pemimpin Mantiqi 4 ini terselah apabila ia berjaya mengumpul dana untuk pergerakan tersebut. Kesemua Mantiqi 1 hingga 4 ini akan menerima arahan daripada Hambali yang menjadi ketua operasi JI sehinggalah beliau di tangkap di Bangkok pada Ogos 2003, tugas ini di serahkan kepada Dr Azhari Hussin dan Zulkarnaen menjadi ketua tentera (Abuza 2003c). Ini telah menunjukkan bahawa JI adalah satu pertubuhan pengganas yang tersusun serta mempunyai struktur organisasi yang mantap. Susulan penangkapan

Hambali, JI masih mampu memilih penggantinya dengan cepat sekali tanpa menunggu Kumpulan Jemaah Islamiyyah telah menjadikan Indonesia dan Filipina sebagai sasaran awal dalam operasi keganasan kerana di Indonesia telah pun terdapat kumpulan radikal Laskar Jihad yang telah banyak melakukan keganasan sebelum dan selepas 9/11. Di Filipina adalah merupakan pusat operasi Al-Qaeda setelah mereka melakukan perpindahan operasi daripada Afghanistan dan berjaya mendirikan sebuah kem iaitu kem Abu Bakar bagi tujuan latihan dan latihan dan rekrut ahli baru. Kegiatan keganasan di Filipina di bantu oleh kumpulan pemisah Mindanao iaitu MILF serta kumpulan ia di bantu oleh MILF dan JI. Terdapat ramai anggota pengganas Abu Sayyaf telah menjalani latihan ketenteraan di kem Abu Bakar dan tenaga pengajarnya daripada Indonesia.



### Rajah 8: Operasi Jemaah Islamiyyah Di Rantau Asia Tenggara

Sumber : Zachary Abuza, "The Way on Terrorism in Southeast Asia" in Richard J.Ellings and Aaron L.Friendberg with Michael Wills, Strategi Asia 2003-2004: Fragility and Crisis by permission from The National Bureau of Asian Research

Malaysia dan Singapura adalah di tetapkan sebagai sumber kewangan bagi membiayai operasi keganasan Jemaah Islamiyyah manakala di Thailand Jemaah Islamiyyah akan menubuhkan satu cawangan baru yang di kenali sebagai Jemaah Salafiah yang mempunyai hubungan dengan pergerakan Islam Pattani. Justeru itu melalui penetapan yang telah di buat oleh Jemaah Islamiyyah terhadap peranan dan tugas terhadap beberapa buah negara di rantau Asia Tenggara, Malaysia dan Singapura adalah pusat operasi serta sumber kewangan kepada pergerakan Jemaah Islamiyyah. Menurut laporan perisikan Malaysia dan Singapura, JI menerima lebih

kira-kira US\$ 130,000 daripada Al-Qaeda di antara tahun 1996 dan 2001 bagi tujuan membangunkan logistik dan rekrut ahli baru (Abuza 2003c).

Selain itu, terdapat juga organisasi pengganas lain yang telah ditubuhkan iaitu Kumpulan Mujahiddin Malaysia kerana kebanyakan ahli-ahli kumpulan ini telah menyertai perang di Afghanistan. Namun begitu, atas sebab-sebab tertentu, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menamakan kumpulan ini di kenali sebagai Kumpulan Militan Malaysia kerana ia boleh memberi ancaman terhadap keselamatan negara. Kebanyakan ahli Kumpulan Militan Malaysia ini mendapat latihan serta pernah menyertai perang di Afghanistan menentang Soviet Union, oleh itu kumpulan ini mempunyai hubungan yang rapat dengan Al-Qaeda. Oleh sebab Al-Qaeda adalah kumpulan pengganas antarabangsa dan secara tidak langsung Kumpulan Militan Malaysia juga di anggap sebagai kumpulan pengganas meskipun sejak penubuhannya tidak ada sebarang keganasan yang di lakukan di negara ini. Yazid Sufaat, ahli Jemaah Islamiyyah adalah merupakan rakyat Malaysia. Oleh sebab Al-Qaeda adalah pengganas antarabangsa dan secara tidak langsung Kumpulan Militan Malaysia juga di anggap sebagai kumpulan pengganas meskipun sejak penubuhannya tidak ada sebarang keganasan yang di lakukan di negara ini. Yazid Sufaat, ahli Jemaah Islamiyyah adalah merupakan rakyat Malaysia yang sangat aktif dalam mencari sumber kewangan dan orang penting Al-Qaeda di rantau Asia Tenggara selain daripada Hambali. Yazid Sufaat telah menubuhkan beberapa buah syarikat di Malaysia untuk mencari dana kewangan bagi menampung operasi keganasan serta mengimport bahan kimia seperti natrium sulfat dalam kuantiti yang banyak bagi membuat bom. Selain itu, beberapa perjumpaan sulit telah di adakan di Malaysia bagi menyelaras operasi keganasan oleh Jemaah Islamiyyah. Contohnya perjumpaan untuk menubuhkan Rabiatul Mujahiddin telah di adakan di Kuala Lumpur sebanyak tiga kali yang di hadiri oleh beberapa kumpulan radikal Islam di seluruh Asia Tenggara. Di anggarkan lebih 1000 ahli JI berada di rantau Asia Tenggara dan bersedia untuk melakukan keganasan (Abuza 2003c).

Selain itu, Zacarias Moussaoui telah datang ke Malaysia dengan menggunakan passport palsu serta tinggal di rumah Yazid Sufaat serta telah membantu Yazid dalam perniagaan (Sodhy 2003). Moussaoui adalah suspek utama dalam pengeboman terhadap Pusat Dagangan New York dan mendapatkan lesen penerbangan di Malaysia. Mengikut laporan FBI Amerika Syarikat, Malaysia adalah negara tempat pengganas memindah wang terhadap pengganas lain bagi tujuan melakukan operasi keganasan (Sodhy 2003). Selain itu, pada tahun 2000 telah di adakan mesyuarat di Kuala Lumpur oleh Al-Qaeda dengan JI bagi merancang untuk menyerang USS Cole dan Pusat Dagangan New York (Abuza 2003c). Ini menggambarkan bahawa Malaysia terlibat secara langsung dalam keganasan global dan Malaysia telah di jadikan pusat operasi Jemaah Islamiyyah untuk melakukan keganasan di beberapa

negara lain walaupun di Malaysia belum ada pengeboman seperti di Indonesia dan Filipina. Justeru itu, penglibatan Malaysia dalam kestabilan serantau Asia Tenggara pasca 9/11 adalah untuk menunjukkan komitmen bersungguh-sungguh untuk menangani keganasan serta membaiki imej negara ini di peringkat antarabangsa serta menstabilkan rantau Asia Tenggara kerana kestabilan serantau berkait rapat dengan keselamatan negara. Jika keselamatan serantau terancam ia akan memberi kesan secara lansung kepada keselamatan dan kedaulatan negara oleh itu ancaman keganasan oleh Jemaah Islamiyyah tersebut telahpun mengancam kedaulatan negara.

### **PERANAN KERAJAAN MENANGANI KEGANASAN OLEH AL-QAEDA DAN JEMAAH ISLAMIYAH**

Malaysia telah menangkap seramai 80 orang anggota KMM yang mempunyai hubungan dengan JI menggunakan Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) bagi tujuan soal siasat. Penangkapan tersebut telah membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan secara terperinci serta menyekat penyebaran ideologi KMM daripada berkembang. Hasil soal siasat terhadap beberapa anggota KMM ini telah menyebabkan beberapa suspek penganas daripada Indonesia telah berjaya di tangkap di Malaysia, Singapura, Filipina dan Thailand. Penangkapan Hambali di Bangkok, Thailand adalah hasil daripada risikan secara bersama di kalangan negara-negara rantau Asia Tenggara. Penangkapan Hambali memberi kesan yang amat besar terhadap operasi Jemaah Islamiyyah di rantau Asia Tenggara kerana dalam soal siasat oleh pihak berkuasa Thailand, Hambali mengakui kehadirannya ke Thailand adalah dalam perancangan untuk megebom kedutaan Amerika Syarikat di Thailand serta untuk mengganggu Persidangan APEC di negara tersebut. Jika kehadiran Hambali gagal di kesan dan Persidangan APEC yang di hadiri lebih 80 pemimpin dunia tersebut telah di bom oleh JI pastinya tidak dapat dibayangkan apakah situasi negara-negara Asia Tenggara dalam menghadapi ancaman keganasan.

Malaysia begitu komited dalam memerangi keganasan dan Akta ISA telah di gunakan sepenuhnya dalam menyekat perkembangan JI di negara ini. Beberapa pemimpin KMM seperti Nik Adli Nik Aziz, anak mantan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat telah dikenakan akta ISA kerana mempunyai hubungan dengan JI. Selain itu, penglibatan beberapa rakyat Malaysia dalam JI dan melakukan keganasan di Indonesia dan Filipina juga telah menjejaskan imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Peranan Dr.Azhari dan Nordin Mohd Top menjadi dalang dalam pengeboman Bali dan Marriot Hotel pada tahun 2003 juga telah menyebabkan kerajaan begitu serius untuk menangani KMM. Ini kerana Dr Azhari adalah ahli KMM, oleh itu kerajaan telah mewujudkan unit khas bagi menangani keganasan yang di kenali Pasukan Pertugas Menangani Keganasan PDRM. Pasukan Pertugas Khas ini telah berjaya membuat beberapa tangkapan baru dan sehingga tahun 2009, seramai 90 orang militan telah berjaya di tahan iaitu sejumlah 43 individu daripada

JI, 19 orang ekstremis asing, 18 anggota Al-Qaeda, 7 anggota Barisan Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) dan 3 orang anggota Babbar Khalsa International (Wan Norhayati 2013).

Selain itu, pihak berkuasa Indonesia juga telah berjaya membunuh Dr. Azahari Hussin dan Nordin Mohd. Top di Jawa Barat. Pada tahun 2006, ancaman keganasan semakin berkurangan kerana beberapa pemimpin utama telah di tangkap namun begitu tahap berjaga-jaga serta permantauan sentiasa di lakukan kerana masih terdapat beberapa anggota Jemaah Islamiyyah melakukan proses pengrekrutan ahli-ahli baru. Contohnya Yazid Sufaat yang telah di kenakan ISA dan di bebaskan tetapi dalam pemerhatian pihak polis beliau telah menubuhkan Tanzim Al-Qaeda di Malaysia. Beliau telah merekrut beberapa anggota baru rakyat Malaysia dan dihantar menjalani latihan di Afghanistan. Setelah tamat latihan mereka ini akan menjalankan operasi keganasan di negara lain. Terdapat dua faktor mengapa kumpulan pengganas ini berjaya di tahan di Malaysia iaitu mereka ini mudah menyesuaikan diri serta mendapat simpati daripada rakyat di negara ini dan mereka juga menganggap bahawa pihak berkuasa tidak berupaya untuk mengekang kegiatan serta menjadikan negara ini sebagai negara transit. Kumpulan pengganas ini sentiasa bergerak daripada satu negara ke satu negara lain dalam rantau Asia Tenggara bagi mengembangkan operasi keganasan. Oleh itu, apabila operasi memerangi keganasan di lancarkan didapati ramai pengganas daripada JI telah di tangkap di Thailand, Filipina dan Malaysia. Contohnya Mas Selamat Kastari di tangkap di Johor Bahru, Hambali di Bangkok, Thailand dan Abdul Rohman di Filipina.

Memerangi keganasan tiada penghujung kerana setiap hari ada sahaja pengrekrutan ahli baru di adakan. Oleh itu, menangani jenayah keganasan adalah sesuatu yang kompleks. Kegiatan militan adalah merupakan bentuk jenayah yang tidak nyata tetapi mampu memberi ancaman dan impak besar kepada negara. Impak tersebut dapat dilihat di mana rangkaian pengganas mampu untuk menembusi sistem pertahanan dan keselamatan Amerika Syarikat seperti yang berlaku dalam peristiwa 9/11 (Wan Norhayati 2013). Selain itu pasca 9/11 juga telah menjalinkan hubungan erat serta kerjasama rapat di antara negara-negara di Asia Tenggara bagi menangani keganasan. Kerjasama ini meliputi bertukar-tukar maklumat tentang keganasan serta beberapa amaran awal di beritahu bagi mengelak berlakunya keganasan. Pengganas sering bergerak bebas di negara-negara Asia Tenggara bagi mengelakkan dirinya dapat di kesan oleh pihak berkuasa dan melalui pertukaran maklumat aktiviti pengganas ini telah memberi kejayaan di mana beberapa suspek pengganas merbahaya telah berjaya di tangkap. Contohnya Polis Malaysia telah berjaya menahan Taufik Balaga dan Ahmad Fauzi ketika cuba merentas sempadan Malaysia-Kalimantan. Kedua-dua pengganas ini berjaya di tangkap hasil daripada perkongsian maklumat risikan antara Polis Malaysia dengan Polis Indonesia. Suspek

ini di percayai terlibat dalam dua serangan pengebom berani mati pada 17 Julai 2009 terhadap Hotel JW Marriot dan Hotel Riz-Carlton di Jakarta. Serangan tersebut mempunyai hubung kait dengan kumpulan pengganas Al-Qaeda. Selain itu, suspek tersebut juga turut di kaitkan dengan insiden memengal kepala tiga pelajar di Polo, Sulawesi Tengah pada tahun 2005. Kerjasama antara Malaysia-Indonesia dalam memerangi keganasan ini telah menyebabkan kedua-dua suspek tersebut telah di hantar dan di bicarakan di Indonesia. Kejayaan ini juga di susuli dengan penahanan Agus Salim, seorang suspek yang mempunyai hubungan dengan pengganas yang paling di hendaki di Asia Tenggara iaitu Mas Selamat Kastari. Suspek pengganas ini di tahan di pintu masuk Imigresen Johor atas dakwaan menggunakan passport palsu. Mas Selamat Kastari telahpun berjaya di tangkap oleh pihak berkuasa Malaysia dan di tahan di bawah ISA. Hasil pertukaran maklumat di kalangan negara-negara Asia Tenggara telah memberi maklumat yang positif dalam usaha menangani keganasan. Pihak Polis Singapura telah memberi maklumat kepada Polis Filipina sehingga tertangkapnya Fathur Rohman Al-Ghozi bersama bahan letupan. Penangkapan tersebut dapat menyelamatkan Kedutaan Amerika Syarikat di Filipina daripada dibom oleh penganas.

Kempen keganasan global yang di lancarkan oleh Amerika Syarikat telah memberi kesedaran terhadap negara-negara di rantau Asia Tenggara bahawa pengganas yang mempunyai kaitan dengan Al-Qaeda dan sedang bergerak aktif di negara-negara tersebut. Menyendari hakikat tersebut, negara-negara yang terlibat telah menubuhkan satu unit khas bagi menangani keganasan seperti Pasukan Khas Menangani Keganasan. Penubuhan pasukan khas yang memberi tumpuan secara khusus terhadap keganasan di dapati beberapa pemimpin utama pengganas daripada Jemaah Islamiyah telah berjaya di tangkap di beberapa tempat dalam negara Asia Tenggara dan apabila di soal siasat adalah di dapati pengganas ini memang sedang merancang untuk menyerang beberapa tempat yang ada hubung kait dengan kepentingan barat terutamanya Amerika Syarikat di negara-negara Asia Tenggara.

Kesungguhan Malaysia untuk turut serta dalam kempen memerangi keganasan global ini dapat di lihat apabila Malaysia menerima cadangan Amerika Syarikat untuk menubuhkan Pusat Menentang Keganasan Serantau Asia Tenggara (SEARCCT) pada 1 Julai 2003 (Bradford 2008). Pusat yang di biayai oleh Amerika Syarikat ini berperanan untuk memantau aktiviti keganasan di seluruh rantau Asia Tenggara. Selain itu Bank Negara Malaysia juga akan memantau dan mengambil tindakan serta menyekat mana-mana aset individu yang di senaraikan sebagai pengganas oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat dan resolusi PBB. Selain itu, Amerika Syarikat menghargai usaha-usaha Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr.Mahathir Mohammad dalam memerangi keganasan dan beberapa bantuan kewangan telah di berikan oleh Amerika Syarikat kepada Malaysia seperti



US\$800,000 di bawah peruntukkan International Military Education and Training dan AS\$300,000 di bawah (Gershman 2002) peruntukkan Proliferation , Anti-Terrorism , Demining Related Programs.

## **KESIMPULAN**

Amerika Syarikat tidak pernah menjangka bahawa Pusat Dagangan New York boleh di letupkan oleh pengganas daripada kumpulan radikal Islam yang di kenali Al-Qaeda. Selepas Amerika Syarikat berjaya menyerang Iraq (di kenali juga perang Teluk) negara super power ini berbangga dan menganggap ia adalah kuasa tunggal dunia tanpa dicabar (Mohamad 1995). Dalam perang Teluk tersebut, Amerika Syarikat telah berjaya menarik beberapa negara lain untuk turut serta dalam perang Iraq yang di namakan 'pasukan bersekutu' tetapi apakah perang menentang keganasan ini Amerika Syarikat berjaya untuk meyakinkan masyarakat antarabangsa untuk turut serta bersama dalam kempen GWT. Negara-negara di rantau Asia Tenggara menerima kempen GWT tersebut malah beberapa negara seperti Filipina dan Singapura memberi sokongan sepenuhnya terhadap GWT tetapi bagaimana dengan beberapa negara seperti Iran, Pakistan dan Libya ? Amerika Syarikat telah membuat beberapa tuduhan terhadap Libya, Iraq, Syria dan Afghanistan tempat Osama bersembunyi tetapi ternyata Osama berada di Pakistan. Mengapa tempoh begitu lama di ambil oleh perisik Pakistan untuk mengesan Osama dan akhirnya pemburuan Osama berakhir di tangan tentera Amerika Syarikat yang membuat penerbangan dalam negara Pakistan tanpa di kesan oleh radar negara tersebut. Amerika Syarikat telah menggunakan GWT bagi memerangi beberapa negara Islam seperti Iraq dan menaikkan pemimpin yang sealiran dengannya kerana faktor minyak. Tuduhan Amerika Syarikat bahawa Iraq mempunyai senjata nuklear itu adalah satu pembohongan tetapi objektif Amerika Syarikat ialah untuk menjatuhkan Presiden Saddam Husin dan di gantikan dengan kerajaan boneka Amerika Syarikat.

Malaysia tegas dalam perkara tentang penglibatan dan campur tangan negara super power dalam masalah dalaman negara-negara Asia Tenggara akan memburukkan lagi senario yang wujud. Justeru itu, Malaysia tidak memberi kebenaran terhadap Amerika Syarikat untuk meletakkan tentera marin di Selat Melaka. Namun begitu Malaysia bersedia untuk berkongsi idea serta pandangan semua negara yang menggunakan perairan Selat Melaka supaya masalah perlanunan, rompak dan keganasan dapat di atasi. Peranan Malaysia ke arah kestabilan serantau terserlah melalui penglibatan secara bersungguh-sungguh untuk membongkar kegiatan dan operasi Ji di rantau Asia Tenggara terutama Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina. Penglibatan Zulkifli Hir (di kenali juga Marwah) sebagai orang penting dalam kumpulan Abu Sayyaf menunjukkan bahawa Malaysia dan Indonesia adalah tempat melahirkan beberapa pengganas. Amerika Syarikat bersama kerajaan Filipina telah menawarkan ganjaran yang tinggi jika ada pemberi maklumat

yang boleh menangkap Zulkifli dengan ganjaran US\$10 juta manakala Umar Patek dengan ganjaran US\$1 juta. Ini menunjukkan bahawa penglibatan rakyat Malaysia dalam operasi keganasan seperti Dr Azhari, Nordin Md Top, Yazid dan Zulkifli adalah perancang kepada keganasan. Mereka ini tidak melakukan keganasan di Malaysia kerana negara ini adalah tempat operasi serta sumber kewangan JI sebaliknya melakukan keganasan di Indonesia dan Filipina. Kerajaan juga telah menutup Madrasah Al-Tarbiyah Al-Islamiyyah Luqmanul Hakim di Johor Bahru serta memantau secara rapi Madrasah Darul Anuar di Kota Baharu kerana di syaki menyemai ideologi keganasan. Selain itu pada 13 Disember 2012, seorang lagi rakyat Malaysia Noor Fikrie Abdul Kahar daripada Melaka telah di tembak oleh pasukan keganasan Filipina di Davoa City, Zamboangan. Beliau di percayai membawa bahan letupan untuk melakukan operasi keganasan di Filipina. Justeru itu, Malaysia ingin menafikan bahawa negara ini adalah tempat melahirkan pengganas. Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan pasukan khas menangani keganasan. Pasukan Khas ini diberi kemahiran dan latihan khusus bagi mengenal pasti mereka yang terlibat dalam aktiviti keganasan serta memantau mereka yang telah bebas supaya tidak aktif semula dalam kegiatan keganasan.

Pasca 9/11 juga telah menyaksikan berlakunya kecurigaan negara-negara Asia Tenggara terhadap kebangkitan China bagi mengisi kekosongan kuasa apabila Amerika Syarikat mengambil keputusan untuk berundur daripada rantau ini. Namun begitu, impian China untuk menjadi kuasa besar serantau terpaksa menghadapi persaingan daripada India kerana negara tersebut berkongsi impian yang sama dengan China. Amerika Syarikat melihat ini satu senario yang kurang menyenangkan kerana kebangkitan kuasa China di rantau Asia Tenggara seolah-olah telah mencabar Amerika Syarikat sebagai kuasa unipolar dunia selepas perang Dingin. Amerika Syarikat juga bimbang jika China dapat menguasai Selat Melaka kerana usaha-usaha China mengadakan hubungan baik dengan negara persisir seperti Malaysia di lihat Amerika Syarikat polemik di sebalik tindakan tersebut. Peranan Malaysia dalam situasi ini adalah untuk menunjukkan negara ini berkecuali tetapi pada masa yang sama mempertahankan campur tangan kuasa luar seperti percubaan Amerika Syarikat untuk meletakkan tentera marin di Selat Melaka dengan alasan untuk memerangi keganasan (Acharya dan Tan 2005) serta mengatasi masalah yang wujud bagi menjamin kestabilan serantau. Beberapa isu tuntutan bertindih terhadap pulau khususnya Blok Ambalat antara Malaysia dengan Indonesia haruslah ditangani sebaik mungkin melalui Asean serta beberapa mekanisme lain yang lebih menjurus ke arah keamanan dan kestabilan serantau. Kepulauan Spratly iaitu kawasan yang di percayai kaya dengan minyak dan gas dan kini menjadi rebutan kerana di tuntutan oleh Malaysia, Vietnam, Filipina, Brunei dan China juga memerlukan satu mekanisme supaya penyelesaian secara rundingan dapat di buat tanpa melibatkan ketenteraan (Hong 2010). Justeru itu, semua negara terlibat

hendaklah meletakkan objektif kestabilan sebagai rangka asas kepada rundingan bagi menyelesaikan konflik yang berlaku.

Justeru itu dapat difahami mengapa Malaysia perlu memainkan peranan secara aktif dalam kestabilan rantau Asia Tenggara kerana faktor keganasan telah meletakkan Malaysia sebagai sumber kewangan JI dan melahirkan pengganas. Ini dapat dilihat melalui penglibatan beberapa pengganas daripada rakyat Malaysia yang melakukan keganasan di Indonesia dan Filipina. Selain itu, dapat juga di fahami mengapa Malaysia sanggup menjadi pihak ketiga (orang tengah) dalam konflik kumpulan pemisah Moro di selatan Filipina dan pemberontakan kumpulan pemisah Pattani di selatan Thailand kerana permasalahan yang berlaku di kedua-dua buah negara tersebut turut memberi kesan terhadap Malaysia. Malaysia telah di tuduh bersubahat dengan kumpulan pemisah dengan membekalkan senjata, kewangan serta latihan kenteraan supaya kumpulan pemisah berupaya untuk menentang kerajaan masing-masing bagi mencapai matlamat yang di gariskan. Malaysia berharap kejayaan menjadi pihak ketiga dalam menyelesaikan konflik tersebut ianya juga akan memberi manfaat kepada keselamatan negara dan kestabilan serantau. Pasca 9/11 ini telah memaksa Amerika Syarikat menilai semula polisi dasar luarnya terhadap rantau Asia Tenggara kerana sebelum pasca 9/11, Amerika Syarikat menganggap rantau Asia Tenggara melalui Asean adalah penting untuk menyekat penyebaran ideologi komunis. Namun begitu, pasca 9/11 telah menyaksikan rantau Asia Tenggara di selubungi keganasan global dan dengan kebangkitan kuasa China tersebut (Womack 2011) dan kehadiran semula Amerika Syarikat di perlukan bagi mengimbangi kuasa China (Hong 2010) serta permintaan beberapa negara Asia Tenggara iaitu Singapura dan Filipina yang ingin melihat Amerika Syarikat bertapak semula bagi mendapatkan manfaat ekonomi serta keselamatan negara jika di ancam oleh negara-negara lain.

Justeru itu, pasca 9/11 telah memberi dimensi baru terhadap senario politik antarabangsa rantau Asia Tenggara dan peranan Malaysia dalam kestabilan serantau ini dapat menarik minat negara kuasa besar terutama Amerika Syarikat di bawah Obama melalu dasar 'pivot to Asia' (CRS Report for Congress 2012) yang memberi keutamaan terhadap rantau Asia serta melihat Malaysia sebagai rakan yang berpotensi dalam aspek politik dan ekonomi. Jika sebelum ini Amerika Syarikat sudah hilang tarikan terhadap Malaysia tetapi pasca 9/11 di mana Malaysia di anggap sebagai tapak keganasan dan sumber kewangan JI (Abuza 2003c) serta terdapat beberapa ahli pengganas yang terlibat dalam pasaran gelap untuk mendapatkan senjata nuklear dan senjata kimia menunjukkan tahap kebimbangan yang tinggi terhadap ancaman pengganas (Ogilvie-White 2006). Walaupun Malaysia di kaitkan dengan keganasan secara langsung tetapi hakikatnya negara ini telah memberi sumbangan besar terhadap kestabilan serantau. Konsep ZOPFAN dalam

ASEAN selain untuk menyatakan dasar pengecualian tetapi juga merupakan satu forum untuk ahli berdiskusi untuk konflik pencegahan dan resolusi penyelesaian terhadap sesuatu isu (Acharya 1990). Konsep ZOPFAN ini menampakkan kerelevanan pasca 9/11 terhadap rantau Asia Tenggara (Acharya 1990). Amerika Syarikat juga telah memuji kesungguhan Malaysia menangani keganasan dan Akta ISA yang sebelum ini di katakan tidak berperikemanusiaan tetapi akhirnya Amerika Syarikat juga meluluskan ‘Patriort Art’ iaitu akta yang menyerupai ISA di Malaysia. Oleh itu, tidak hairan Amerika Syarikat menganggap Malaysia adalah negara yang tolenrasi agama kerana tanpa penyebaran ideologi oleh JI di negara ini tidak mungkin rakyat Malaysia boleh terlibat dalam keganasan pada tahap perancang operasi. Sikap tolenrasi agama ini adalah bagi menunjukkan kesederhanaan rakyat Malaysia dalam kehidupan, urusan harian dan pandangan terhadap agama lain. Malaysia telah melopori konsep kesederhanaan global untuk di ketengahkan terhadap masyarakat antarabangsa sebagai pegangan rakyat Malaysia dan cara hidup masyarakat dalam isu-isu antarabangsa.

## RUJUKAN

- Abuza, Z. (2002). Tentacles of terror: Al Qaeda’s Southeast Asian network. *Contemporary Southeast Asia*, 24(3), 427–465. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/10.2307/25798610>
- Abuza, Z. (2003a). Funding terrorism in Southeast Asia: the financial network of Al Qaeda and Jemaah Islamiyah. *NBR Analysis*, 14(5), 1–72. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/10.2307/25798639>
- Abuza, Z. (2003b). *Militant Islam in Southeast Asia: Crucible of Terror*. Boulder: Lynne Rienner. Retrieved from <http://books.google.com/books?hl=en&lr=&id=QqgiE94IAMIC&oi=fnd&pg=PR7&dq=Militant+Islam+in+Southeast+Asia+Crucible+of+Terror&ots=9axNLXGfMY&sig=ZFmYHxylJHG82oYJZIsqpG4CWGM>
- Abuza, Z. (2003c). The war on terrorism in Southeast Asia. *Strategic Asia 2003*, 04, 321–364. Retrieved from [http://kms1.isn.ethz.ch/serviceengine/Files/ISN/47368/ichaptersection\\_singledocument/ee466dbc-c563-4dd2-b47f-cb107f50d2b7/en/Terrorism\\_War\\_SA.pdf](http://kms1.isn.ethz.ch/serviceengine/Files/ISN/47368/ichaptersection_singledocument/ee466dbc-c563-4dd2-b47f-cb107f50d2b7/en/Terrorism_War_SA.pdf)
- Acharya, A. (2003). Southeast Asian Security After September 11. *Foreign Policy Dialogue Series*, (8), 1–20. Retrieved from <http://scholar.google.com/scholar?hl=en&btnG=Search&q=intitle:Southeast+Asian+Security+After+11+September+11#4>
- Agathangelou, A., & Ling, L. (2004). Power, borders, security, wealth: Lessons of violence and desire from September 11. *International Studies Quarterly*, 48(3), 517–538. Retrieved from

- [http://www.foreignpolicy.com/articles/2011/07/11/the\\_south\\_china\\_seas\\_georgia\\_scenario](http://www.foreignpolicy.com/articles/2011/07/11/the_south_china_seas_georgia_scenario) (diakses pada 20 Jun 2013 )
- Bradford, J. (2008). Shifting the Tides against Piracy in Southeast Asian Waters. *Asian Survey*, 48(3), 473–491. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/10.1525/as.2008.48.3.473>
- Gershman, J. (2002). Is Southeast Asia the Second Front ? *Foreign Affairs*, 81(4), 60–74.
- Koschade, S. (2006). A social network analysis of Jemaah Islamiyah: The applications to counterterrorism and intelligence. *Studies in Conflict & Terrorism*, 29, 559–575. Retrieved from <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/10576100600798418>
- Ministry of Home Affairs Republic of Singapore. (2003). *Write Paper :The Jemaah Islamiyah Arrest and the Threat of Terrorism*. Singapore.
- Mohd Sail Hassan, & Kamarulnizam Abdullah. (2011). Ancaman Terorisme Serantau dan Respon Malaysia. In Kamarulnizam Abdullah (Ed.), *Malaysia dalam hubungan antarabangsa serantau* (pp. 69–88). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Ramakrishna, K. (2004). “Constructing” the Jemmaah Islamiyah terrorist: a preliminary inquiry. *Institute of Defence and Strategic Studies, Singapore*, (71). Retrieved from <http://155.69.24.190/handle/10220/4471>
- Ruhanas Harun. (2009). Peningkatan keselamatan bersama melalui kerjasama dua hala Malaysia dan negara-negara jiran. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and ...*, 36, 16–40. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/358/>
- Schweitzer, Y. (n.d.). Current Trends in al-Qaeda and global jihad activity. *Institute for National Security Studies*, 159–179. Retrieved from [http://www.humansecuritygateway.com/documents/INSS\\_CurrentTrends\\_AlQaeda\\_GlobalJihad.pdf](http://www.humansecuritygateway.com/documents/INSS_CurrentTrends_AlQaeda_GlobalJihad.pdf)
- Sodhy, P. (2011). Malaysia-US Relations 2000-2011. *Institute of Strategic and International Studies Malaysia*, 1–31.
- Wan Norhayati Wan Alias. (2013). Tiada Noktan perang militant-Fuzi Harun. *Utusan Malaysia Sdn.Bhd*. Kuala Lumpur.